

07 JUN 2000

KHALIL YAAKOB BANGGA DENGAN KEPUTUSAN DR LING

REMBAU, 7 Jun (Bernama) -- Menteri Penerangan Tan Sri Khalil Yaakob berkata, beliau bangga dengan keputusan Presiden MCA Datuk Seri Dr Ling Liong Sik untuk terus memegang jawatan Menteri kabinet.

"Sebagai rakan Kabinet, secara peribadi saya lama kenal beliau. Beliau mempunyai perwatakan yang boleh diterima pelbagai pihak dan yang lebih penting beliau seorang menteri yang berkesan," katanya kepada pemberita ketika diminta mengulas pengumuman Dr Ling semalam untuk terus kekal sebagai Menteri Pengangkutan.

Terdahulu Khalil yang juga Setiausaha Agung Umno menghadiri majlis belia bersama pemimpin ke alaf baru di Kampung Semin, Lubuk Cina, dekat sini, malam tadi.

Pada 22 Mei lepas Dr Ling mengejutkan mesyuarat majlis Presiden MCA dengan mengumumkan keputusannya untuk meletakkan jawatan daripada Kabinet tetapi akan terus berkhidmat sebagai Presiden parti.

Khalil yang terharu dengan keputusan Dr Ling itu berkata, "saya rasa bangga kerana Dr Ling menyahut seruan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad supaya kembali dalam Kabinet".

-- BERNAMA

RP PR